



## Terma dan Syarat Untuk Akaun Tetap Mach

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun Deposit dan Deposit Perbankan Islam, dan sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Hong Leong Bank Berhad ("HLB") dengan memberikan notis awal, serta sebarang peraturan dan undang-undang yang mengikat ke atas HLB.

1. Akaun Deposit Tetap Mach ("Akaun") adalah akaun deposit tetap yang membenarkan penghasilan, peletakan dan pengeluaran Akaun dilakukan melalui Hong Leong Connect.
2. Akaun ini hanya sah untuk individu, sama ada secara persendirian atau nama bersama, yang merupakan pemegang Akaun Deposit Money Box Hong Leong ("Money Box").
3. Akaun ini akan dikaitkan kepada Money Box Pelanggan. Kecuali untuk terma dan syarat atau variasi yang terkandung di sini, semua terma dan syarat yang berkaitan dengan Money Box akan turut berkuat kuasa dan kekal sepenuhnya. Faedah yang diperolehi atas Akaun akan dikreditkan secara bulanan ke dalam Money Box.
4. Pelanggan dengan ini memberi arahan kepada HLB untuk memperbaharui secara automatik jumlah prinsipal dan faedah terkumpul untuk setiap letakan di bawah Akaun (kecuali HLB menerima arahan bertulis khusus mengenainya) untuk tempoh yang sama (atau suatu tempoh yang mungkin ditetapkan oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya pada tarikh matang) dan pada kadar faedah yang akan ditentukan oleh HLB pada tarikh matang yang berkaitan dengan setiap letakan.
5. Kendalian Akaun:
  - a. Letakan deposit tetap mestilah dibuat berdasarkan tempoh berikut; satu (1) bulan, dua (2) bulan, tiga (3) bulan, enam (6) bulan, sembilan (9) bulan, dua belas (12) bulan, dan dua puluh empat (24) bulan atau sebarang tempoh lain dan pada kadar faedah yang akan ditetapkan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal.
  - b. Pelanggan hendaklah meletakkan deposit minimum RM5,000 untuk deposit tetap dengan tempoh satu (1) bulan dan RM1,000 untuk deposit tetap dengan tempoh dua (2) bulan atau lebih untuk setiap letakan bagi setiap Pelanggan atau sebarang amaun lain yang akan ditetapkan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal.
  - c. Resit deposit tetap tidak akan dikeluarkan tetapi aktiviti Akaun akan dinyatakan dalam penyata bulanan Money Box Pelanggan. Pelanggan mesti menyemak semua kemasukan dalam penyata akaun, dan melaporkan kepada HLB dengan serta-merta jika terdapat sebarang kesilapan. Jika Pelanggan tidak berbuat demikian dalam masa empat belas (14) hari (atau sebarang tempoh yang mungkin ditetapkan oleh HLB dalam penyata tersebut) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata untuk Penyata Akaun tersebut, membantah sebarang kemasukan padanya, Pelanggan akan dianggap telah menerima kemasukan yang dibuat sehingga tarikh kemasukan terakhir di dalam penyata akaun tersebut, seperti mana dalam Hong Leong Connect untuk Pelanggan Peribadi atau Perniagaan, sebagai benar dan melepaskan HLB daripada sebarang tanggungjawab.



- d. Faedah akan dibayar setiap bulan ke Akaun Money Box Pelanggan.
  - e. Pengeluaran separa melalui Hong Leong Connect dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
    - i. Pengeluaran separa boleh dilaksanakan untuk letakan dengan tempoh enam (6) bulan atau lebih dan jumlah prinsipal minimum RM10,000;
    - ii. Pengeluaran separa minimum adalah RM3,000; dan
    - iii. Pengeluaran separa perlu dilakukan dalam gandaan RM3,000 atau sebarang amaun lain yang akan ditetapkan oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya dan dari semasa ke semasa.
    - iv. Amaun yang dikeluarkan akan dikreditkan ke Money Box Pelanggan.
  - f. Kaedah letakan campuran dibenarkan untuk Akaun jika Pelanggan memilih opsyen ini melalui cawangan Mach by Hong Leong atau cawangan HLB, di mana letakan mungkin dibuat melalui gabungan pindahan dana dalaman bank dari Money Box dan deposit cek oleh Pelanggan. Untuk kaedah letakan campuran, letakan berjaya bergantung kepada pelunasan cek. Jika terdapat cek yang dikembalikan atas sebarang sebab, amaun yang dipindahkan dari Money Box Pelaangkan untuk letakan berkaitan akan dikreditkan kembali ke Money Box Pelanggan. Letakan akan dianggap telah terbatal.
  - g. Waktu akhir untuk mendeposit cek adalah 4 petang. Letakan cek selepas waktu akhir dan semasa hujung minggu dan cuti umum hanya akan berkuat kuasa pada hari perniagaan seterusnya. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya terdapat kaedah letakan campuran, waktu letakan akan bermula dari dan bergantung kepada letakan cek dilaksanakan.
  - h. Pengiraan faedah akan berkuat kuasa serta merta selepas:
    - i. pindahan dana dari Money Box; dan
    - ii. letakan cek
    - iii. untuk letakan cek, jika letakan tidak berjaya, faedah yang diperolehi akan diterbalikkan keluar sewajarnya
6. Tiada caj perkhidmatan dikenakan untuk 20 pemberitahuan pertama SMS yang diterima oleh pelanggan setiap kalendar bulan kecuali ditetapkan oleh Bank. Caj sebanyak RM0.50 setiap SMS akan dikenakan untuk pemberitahuan SMS seterusnya.
7. Sekiranya letakan dikeluarkan sebelum matang, peraturan mengenai penarikan keluar Deposit Tetap sebelum matang berkaitan dengan Akaun Deposit Tetap Konvensional sebagaimana dinyatakan di bawah Klausus 6 Bahagian D Terma dan Syarat Akaun Am akan berkuat kuasa. Untuk pengeluaran separa, amaun pengeluaran separa adalah tertakluk kepada peraturan yang dinyatakan sebelum ini. Bagaimanapun, tiada perubahan berlaku ke atas kadar faedah dan tempoh atau tarikh matang untuk baki yang terdapat di dalam Akaun untuk letakan yang mana pengeluaran separa telah dilakukan.



8. Faedah terakru ke atas Akaun akan dikreditkan secara bulanan ke dalam Money Box Pelanggan dan dinyatakan dalam e-penyata bulanan Money Box Pelanggan. Sekiranya keseluruhan deposit tetap atau baki seterusnya yang diletakkan di bawahnya telah dikeluarkan sepenuhnya pada atau sebelum tempoh matang masing-masing atau tempoh minimum yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal, HLB berhak untuk menolak dari atau mendebit Akaun Pelanggan semua faedah bulanan terakru yang telah dibayar termasuk dan tidak terhad kepada semua faedah yang telah dibayar ke atas pengeluaran separa sebelumnya.
9. Tanpa mengambilira sebarang peruntukan yang disediakan di sini dan tanpa prejudis kepada peruntukan lain yang terkandung di sini, HLB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan dan/atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang kehilangan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) keuntungan atau perniagaan atau muhibah atau sebarang kerugian, atau sebarang pampasan, perbelanjaan dan/atau kerugian secara tidak langsung atau sampingan, termasuk dan tidak terhad kepada sebarang kerugian faedah dibayar atau perlu dibayar atas deposit tetap dan/atau Money Box yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan dan/atau pihak ketiga akibat sebarang penarikan keluar dan/atau pindahan sebarang jumlah dan/atau sebarang bayaran yang dibuat dan/atau sebarang penggunaan dana oleh HLB atau akibat keingkaran penarikan balik, pindahan, bayaran dan/atau penggunaan oleh HLB sama ada dari Akaun atau Money Box atas sebarang sebab.
10. HLB berhak untuk menyemak dan mengubah terma dan syarat Akaun Deposit Tetap Mach pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal.
11. Selain daripada pendedahan yang dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013/Akta Perkhidmatan Kewangan Islam Malaysia 2013, Pemegang Akaun membenarkan secara mutlak Bank, pegawai dan pekerja mereka untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat mengenai Terma dan Syarat ini , sekarang dan masa depan, akaun Pemegang Akaun dan apa-apa perkara yang berhubungan dengan Pemegang Akaun atau perniagaan dan operasinya kepada:
  - a. institusi kewangan lain yang memberikan atau yang bercadang untuk memberikan apa-apa kemudahan kredit/pembentangan kepada Pemegang Akaun, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Biro Maklumat Cek, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan yang diberikan kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau pihak berkuasa / agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh persatuan bank-bank di Malaysia;
  - b. mana-mana syarikat semasa atau yang akan datang yang boleh dikaitkan dengan atau berkaitan dengan Bank (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 ), termasuk wakil dan pejabat cawangan dan wakil-wakil mereka masing-masing dan juga anak-anak syarikat induk Bank ini;



- c. Pihak-Pihak pemberi cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan jaminan berkenaan dengan Kemudahan Pinjaman/Kemudahan Pembiayaan;
  - d. juruaudit Bank, peguam dan / atau ejen lain yang berkaitan dengan tuntutan wang yang terhutang dan kena dibayar di bawah ini ; dan
  - e. penasihat profesional Bank, pembekal perkhidmatan, penerima namaan, ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh Bank dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutu dengannya.
  - f. Pelanggan dengan ini bersetuju secara mutlak dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, pegawai dan pekerjaanya tidaklah menanggung sebarang liabiliti untuk memberikan maklumat itu atau akibat daripada penggantungan maklumat yang diberikan mengikut Terma dan Syarat ini.
12. Dasar Privasi bermakna dasar dan prinsip HLB/HLISB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan HLB / HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
13. Pelanggan dengan ini memberi representasi dan memberi waranti bahawa Pelanggan telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan pelanggan untuk Akaun atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada HLB / HLISB bagi menyokong permohonan itu dan / atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham , penandatangan yang diberi kuasa atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh HLB / HLISB (" Subjek Data Relevan "), untuk koleksi HLB / HLISB, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada subjek Data Relevan mengikut Dasar Privasi HLB / HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
14. Pelanggan dengan ini bersetuju dan persetujuan dengan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada HLB / HLISB oleh Pelanggan atau yang diperoleh oleh HLB/HLISB dari domain awam, serta data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan berkaitan dengan Akaun mengikut Dasar Privasi HLB/HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
15. Cukai-cukai kerajaan dan/atau berkanun/dibawah kawalan untuk mengenakan caj, yuran dll.
- a. Untuk tujuan Klaus ini:

"Cukai" membawa maksud cukai yang dikenakan pada masa terkini atau masa yang akan datang, secara langsung atau tidak, di Malaysia atau di luar negara termasuk levi, impos, duti, upah, bayaran, potongan harga atau sebarang sekatan yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, termasuk, tanpa had, mana-mana cukai penggunaan dan cukai-cukai yang lain, jika berkenaan, dan apa-apa faedah, denda atau penalti yang berkenaan.



"Pihak Berkuasa Yang Berkenaan" bererti mana-mana kerajaan atau badan yang menguruskan hal-hal perculaian.

- b. Sebarang yuran perkhidmatan dan sebarang pembayaran yang kena dibuat oleh Pelanggan kepada Bank dibawah Kemudahan, Perjanjian Kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti termasuk sebarang jumlah yang mewakili pembayaran ganti untuk dibayar oleh Pelanggan kepada Bank, adalah tidak termasuk Cukai dan perlu dijelaskan tanpa sebarang pengecualian, syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang jumlah tuntutan balas atau sebarang potongan atau sekatan.
- c. Pada sebarang masa atau keadaan dimana Pelanggan dituntut oleh undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau menahan dari yuran perkhidmatan dan/atau semua wang lain yang kena dibayar kepada Bank untuk Kemudahan, Perjanjian Kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti berkaitan dengan Cukai atau sebaliknya, jumlah yang kena dibayar oleh Pelanggan dalam hal di mana potongan atau penahanan cukai diperlukan akan ditambah supaya yuran perkhidmatan dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh Bank kekal dengan apa yang Bank sepatutnya menerima jika sebarang potongan atau pengecualian tidak dikenakan.
- d. Sebagai penambahan atas yuran perkhidmatan dan sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pelanggan kena bayar kepada pihak Bank semua bayaran Cukai pada kadar terkini dan/atau jumlah yang ditentukan oleh Pihak Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran Cukai / liabiliti-liabiliti Cukai / kewajipan-kewajipan Cukai yang berhubung kait, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat-syarat dan tanpa apa-apa potongan untuk atau sebarang jumlah tuntutan balas atau apa-apa potongan atau pengecualian, selain sebarang Cukai-Cukai yang mana mungkin diperlukan di bawah sebarang undang-undang kena dibayar oleh anda secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, dimana anda akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- e. Jika pada bila-bila masa satu pelarasian dibuat atau dikehendaki untuk dibuat antara Bank dan pihak berkuasa pencukaian yang berkenaan bagi sebarang jumlah Cukai berkaitan sebarang bekalan yang dilakukan atau dinilai sebagai telah berlaku, yang berkaitan dengan Kemudahan, Perjanjian Kemudahan dan dokumen-dokumen sekuriti daripada Bank atau segala yang berkaitan dengannya, satu pelarasian, tertakluk pada budi bicara, boleh dibuat diantara Bank and Pelanggan dan pada keadaan sedemikian, sebarang pembayaran berkaitan pelarasian tersebut, haruslah dijelaskan sepenuhnya.
- f. Semua Cukai yang mesti dibayar oleh Pelanggan kepada Bank seperti yang diperuntukkan disini adalah perlu dibayar di masa-masa sedemikian dan di sedemikian cara seperti yang akan diminta oleh Bank.
- g. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memenuhi segala permintaan oleh pihak Bank bagi membantu pihak Bank dalam mematuhi dengan kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang perculaian yang berkaitan. Jika terdapat, Cukai baru yang telah berkuatkuasa dan Cukai tersebut adalah diwajibkan untuk dikenakan terhadap sebarang urus niaga yang



termaktub di dalam Perjanjian Kemudahan ini atau dokumen sekuriti, Pelanggan bersetuju untuk memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada Bank untuk memudahkan pihak Bank untuk mematuhi tanggungjawab Pihak Bank dibawah undang-undang tersebut.

- h. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, kesemua pihak terbabit dengan ini bersetuju bahawa mana-mana jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang digunakan untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar berdasarkan Perjanjian Kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti adalah muktamad tanpa mengambil kira untuk Cukai dan tidak termasuk jumlah-jumlah yang perlu ditambah di bawah fasal ini bekanaan dengan Cukai.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.